



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Pahang

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **Tetap di UiTM Cawangan Pahang**.

JAWATAN PENTADBIRAN

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	TARAF PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
					MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PELAKSANA						
1.	Pegawai Eksekutif Bidang : Pengurusan Asrama	N29	Penolong Pegawai Tadbir	Tetap	RM1,493.00	RM5,672.00
2.	Pembantu Kemahiran	H19	Pembantu Kemahiran	Tetap	RM1,377.00	RM4,052.00
3.	Pembantu Belia dan Sukan	S19	Pembantu Belia dan Sukan	Tetap	RM1,352.00	RM4,003.00
4.	Pembantu Awam	H11	Pembantu Awam	Tetap	RM1,218.00	RM2,939.00

SYARAT LANTIKAN

PEGAWAI EKSEKUTIF (N29) (BIDANG : PENGURUSAN ASRAMA)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) Warganegara Malaysia ;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,493.00); atau
 - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,493.00); atau
 - (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf (Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,493.00); atau
 - (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,770.95).

***Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan sahaja.**

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap Jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Eksekutif Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;
 - (a) (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c); atau
(ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) Had umur pelantikan :
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

BIDANG KEUTAMAAN :

Pengurusan Asrama

PEMBANTU KEMAHIRAN (H19)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred H19 : RM1,377.00); atau
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H19 : RM1,435.12); atau
(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawaian Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H19 : RM1,435.12); atau
(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H19 : RM1,493.24); atau

***Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan sahaja.**

- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawaian Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H19 : RM1,493.24)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam, Pembantu Operasi, Pemandu Kenderaan, Pemandu/Operator Jentera Pemungkah dan Penghantar Notis adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;
 - (a) (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c); atau
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) Had umur pelantikan :
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PEMBANTU BELIA DAN SUKAN (S19)

- 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada Tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred S19 : RM1,352.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S19 : RM1,408.40); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S19 : RM1,464.80); atau

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

***Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan sahaja.**

PEMBANTU AWAM (H11)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada Tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM1,218.00).

(Syarat Tambahan : Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan Berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan Berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia).

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM1,264.15)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan atau badan berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini.

Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan bersama salinan sijil-sijil dan mengikut susunan berikut :-

- i. Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran
- ii. Salinan Sijil Berhenti Sekolah Menengah
- iii. Salinan Sijil PMR/MCE/SPM, HSC/STPM, Ijazah/Diploma atau setaraf
- iv. Surat Pengesahan tempoh pekerjaan daripada majikan (jika ada) untuk mengambil kira pengalaman kerja/penetapan gaji.

Pemohon hendaklah menulis jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat borang permohonan.

Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

***Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan sahaja.**

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a. Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA.
- b. Borang dan syarat-syarat permohonan boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Pahang di <http://pahang.uitm.edu.my> atau boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang.
- c. Tarikh tutup permohonan adalah pada **21 Ogos 2023**.
- d. Sila kemukakan permohonan kepada :



**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PAHANG KAMPUS JENKA
26400 BANDAR TUN ABDUL RAZAK JENKA
PAHANG DARUL MAKMUR**

NO.TEL: (09-4602000 / 2032)

***Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan sahaja.**